

Budak dua tahun maut kepanasan ditinggalkan empat jam dalam Proton Saga

Dijemput ajal dalam kereta ibu

KOSMO 15/03/2018 M/S 01

Oleh KU MOHD. RIZDUAN
KU ABDUL RAHMAN

PORT DICKSON - Seorang kanak-kanak perempuan berusia dua tahun ditemui mati dipercayai akibat kepanasan selepas ditinggalkan selama empat jam di dalam kereta milik ibunya di kawasan parkir hadapan Kolej Vokasional Port Dickson di sini semalam.



NUR AWFA HUMAISHA

Dalam kejadian pukul 1 petang itu, mangsa, Nur Awfa Humaisha Muhammad Ali Riduan disahkan meninggal dunia oleh pegawai perubatan di Klinik Kesihatan Port Dickson.

“Bagaimanapun, selepas menghantar anak sulungnya yang berusia lima tahun ke sebuah taska dekat sini, ibunya terus bergegas ke tempat kerja tanpa menghantar mangsa.

Mangsa merupakan anak kedua daripada dua beradik.


“Mangsa ketika itu duduk di bahagian kerusi belakang kereta dan mungkin menyebabkan ibunya terlupa,” ujarnya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Ketua Polis Daerah Port Dickson, Superintendan Zainudin Ahmad berkata, siasatan awal mendapati ibu mangsa, Hasmah Masroh, 32, yang merupakan pensyarah di kolej itu meletakkan keretanya jenis Proton Saga di lokasi berkenaan tanpa menyedari Nur Awfa Humaisha masih berada di dalam kenderaan.

Tambah Zainudin, pada pukul 1 petang, ibu mangsa mula tersedar telah tertinggal anak perempuannya di dalam kereta dan apabila kembali dia mendapati anaknya sudah tidak sedarkan diri lalu segera membawanya ke Klinik Kesihatan Port Dickson.

Menurut beliau, mangsa sepatutnya dihantar ke rumah pengasuh di Kampung Paya yang jaraknya kira-kira tiga kilometer dari kolej itu.

“Kanak-kanak itu disahkan telah meninggal dunia oleh



KOLEJ Vokasional Port Dickson.

pegawai perubatan klinik berkenaan,” katanya.

Zainudin berkata, mayat kanak-kanak itu kemudian dihantar ke Hospital Port Dickson (HPD) di sini untuk bedah siasat.

Menurut beliau, pihaknya akan menjalankan siasatan terperinci sebaik menerima laporan bedah siasat. Kes disiasat mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 dan tiada tangkapan dibuat setakat ini.

Sementara itu, bapa mangsa, Muhammad Ali, 35, ketika ditemui di HPD enggan mengulas



INILAH kereta seorang pensyarah yang tertinggal anaknya menyebabkan mangsa meninggal dunia dalam kejadian di Port Dickson semalam.

berhubung kejadian malang yang menimpa anak keduanya itu memandangkan mereka sekeluarga masih bersedih.

Jenazah mangsa telah diserahkan kepada keluarganya dan dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Teluk Kemayan